

Received: 19 November 2019; Accepted: 18 December 2019

Sejarah Kedatangan Islam dan Tradisi Posan (Pesaji) di Pulau Lombok

Hasan Asy'ari Najmuddin¹ & Mohd Arif Nazri²

Email: ¹Asyari995@gmail.com & ²mohdarif@ukm.edu.my

¹Calon Sarjana Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

²Pensyarah kanan Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Islam muncul di Pulau Lombok pada abad ke-16 sekitar tahun 1545 masihi. Kemudian agama Islam disebar luaskan oleh pendakwah yang berasal dari Pulau Jawa iaitu Sunan Prapen putera kepada Sunan Giri (Wali Songo). Sebelum kedatangan Islam kepercayaan asli masyarakat Lombok atau Suku Sasak ialah Boda. Penganut Boda merupakan komuniti kecil dan masih wujud pada awal abad ke-20, di bahagian utara Gunung Rinjani dan di beberapa desa di sebelah selatan Gunung Rinjani. Mereka berasal dari bahagian tengah pulau Lombok dan mereka pindah ke wilayah pegunungan untuk menghindari proses Islamisasi. Sementara masyarakat Islam Wetu Telu dalam pengamalan kepercayaannya dalam kehidupan sehari-hari, masih sangat kuat berpegang teguh pada adat atau tradisi nenek moyang. Contohnya ialah tradisi Posan (Pesaji) merupakan sebuah upacara adat yang dilaksanakan oleh masyarakat Islam Wetu Telu ketika menyunat anak lelaki dan tradisi ini masih dilaksanakan sampai sekarang ini. Masyarakat Islam Wetu Telu juga merupakan masyarakat yang kuat akan kepercayaannya terhadap Animisme dan Dinamisme. Asal usul masyarakat Islam Wetu Telu ini ialah adanya percampuran kepercayaan daripada Animisme, Dinamisme, Hindu dan Islam. Kajian ini membincangkan tentang sejarah singkat tradisi posan dan sejarah munculnya agama Islam di Pulau Lombok.

Kata Kunci: Tradisi Posan (Pesaji), Islam, Wetu Telu

The History of the Emergence of Islam and the Origin of Posan (Pesaji) Tradition in Lombok Island

Abstract

Islam came to the Lombok Island in the 16th century about 1545 AD. Subsequently, Islam was spread by a preacher from Java Island, named Sunan Prapen who is the son of Sunan Giri (Wali Songo). Before the arrival of Islam, the original faith of the people of Lombok or the Sasak tribe was Boda. The followers of Boda are minority and still found in the early 20th century, in the northern part of Mount Rinjani and in some villages of the south of Mount Rinjani. Apparently, they were originally from the central part of Lombok Island and moved to the mountainous region to avoid the process of Islamization. While the Muslim community of Wetu Telu in practicing their beliefs in daily life, still strongly adheres to the customs or traditions of the ancestors; for instance, the Posan (Pesaji) is regarded as a tradition carried out by the Muslim community of Wetu Telu during their son's circumcision which remains observed nowadays. The Muslim community of Wetu Telu upholds the belief in Animism and Dynamism. The origin of the Muslim community of Wetu Telu is the mixing Animist, Dynamist, Hindu beliefs and practices with Islam. This study discusses the brief history of posan traditions and the history of the emergence of Islam in the Lombok Island.

Keywords: Posan (Pesaji) Tradition, Islam, Wetu Telu

1. Pengenalan

Sejarah Lombok tidak lepas dari bergantinya penguasaan dan peperangan yang terjadi di dalam pulau Lombok baik masalah dari dalam iaitu peperangan antara kerajaan di Lombok mahupun dari luar iaitu penguasaan dari kerajaan di luar pulau Lombok. Perkembangan agama Hindu, Buddha, memunculkan beberapa kerajaan seperti kerajaan Hindu Selaparang dan Bayan, kerajaan-kerajaan tersebut dalam perjalanannya dikalahkan oleh penguasa dari kerajaan Majapahit pada masa penyerangan Gajah Mada di abad ke-13 hingga abad ke-14 dan penguasaan dari Bali pada abad ke-16 (Hadiwijono & Harun 1982) antara Jawa, Bali dan Lombok terdapat beberapa kesamaan budaya seperti persamaan bahasa dan tulisan, jika ditelusuri asal-usul mereka banyak berakar dari Hindu Jawa. Hal itu tidak lepas dari pengaruh penguasaan kerajaan Majapahit yang mengirimkan

anggota keluarganya untuk memerintah atau membangun kerajaan di Lombok. Pengaruh Bali memang sangat kuat dalam kebudayaan masyarakat Lombok dan kesan daripada perluasan wilayah kekuasaan oleh kerajaan Bali sekitar tahun 1740 di bahagian barat pulau Lombok. Sehingga banyak terjadi percampuran antara budaya tempatan dengan kebudayaan kaum pendatang (Fauziah Kurniati 2019).

2. Pengaruh Hindu Majapahit Jawa Timur.

Mengenai sejarah Pulau Lombok, menjelang abad ke-14 terdapat bukti yang menunjukkan adanya hubungan dengan pulau Jawa. Dalam kitab *Negarakertagama*, karangan Mpu Prapanca, istilah perkataan Lombok Mirah dan perkataan Sasak Adi merupakan bukti bahawa pulau Lombok dengan masyarakatnya sebagai bahagian daripada wilayah Kerajaan Majapahit. Terdapatnya bukti yang kuat mengenai hubungan Gumi Selaparang (sebutan untuk Pulau Lombok) dengan Kerajaan Majapahit di Pulau Jawa (Mahmud Yunus 1979). Lombok Mirah Sasak Adi adalah salah satu kutipan dari kitab *Negarakertagama*, sebuah kitab yang memuat tentang kekuasaan dan pemerintahan kerajaan Majapahit. Perkataan Lombok berasal daripada bahasa Sasak iaitu *lomboq* bermakna lurus atau jujur, perkataan Mirah bermakna permata, perkataan Sasak bermakna kenyataan atau satu-satu, manakala perkataan Adi bermakna yang baik atau yang utama. Makna keseluruhannya iaitu kejujuran adalah permata kenyataan yang baik atau utama. Makna falsafah itulah yang selalu di inginkan oleh nenek moyang atau masyarakat tempatan Pulau Lombok yang tercipta sebagai bentuk budaya dan tradisi tempatan yang mesti dijaga dan dipelihara oleh keturunannya (Fauziah Kurniati 2019).

Awal mula masuknya agama Hindu ke Pulau Lombok pertama kali dibawa oleh Kerajaan Hindu-Majapahit dari Jawa Timur, masuk ke Pulau Lombok pada abad ke-7 dan mulai memperkenalkan ajaran Hindu-Budhisme ke masyarakat suku Sasak. Kemudian oleh agama Hindu-Bali yang masuk ke Pulau Lombok dibawa oleh para pendatang dari Bali semenjak permulaan abad ke-17. Ketika pada tahun 1600-an para pendatang dari Bali mulai dating secara bertahap ke wilayah barat Pulau Lombok, terletak jauh dari kekuasaan kerajaan Sasak iaitu kerajaan Pejanggik di Lombok Tengah dan Kerajaan Selaparang di Kayangan Lombok Timur, kedatangan pendatang Karangasem ke Pulau Lombok untuk membuka tanah baharu bagi pertanian dan tanah untuk penduduk (Erni Budiawanti 2000).

Kerajaan Majapahit dari Jawa Timur dan kerajaan dari Bali. Kedua kerajaan ini adalah kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha. Sebelum pengaruh kerajaan Majapahit, kerajaan Karangasem Bali beragama Siwa. Pada zaman pemerintahan Raja Sri Wijaya Mahadewi tidak di ketahui pasti agama apa yang telah dilaksanakan pada zaman itu. Daripada nama bhiksu yang menggunakan nama Siwa dapat dikatakan bahawa agama yang berkembang pada zaman itu adalah agama Siwa (Erni Budiawanti 2000). Pengaruh Jawa dan Bali sangat kuat didalam masyarakat suku Sasak. Contohnya dapat dilihat pada pelbagai nama desa di pulau Lombok, seperti Surabaya, Gerisak (Geresik), Mataram, Kediri dan Wanasaba (Wonosobo). Bukti berikutnya bahawa kerajaan Majapahit di pulau Lombok iaitu banyaknya nama jalan yang ada di bandar Mataram yang berkaitan dengan majapahit seperti Mataram, jalan Gajah Mada, jalan majapahit dan lain-lainnya. Demikian juga, beberapa raja awal yang memerintah di Lombok juga berasal dari Jawa, seperti Ratu Mas Panji, raja di kerajaan Sasak, diperkirakan letaknya di desa Blongas sekarang di Kecamatan Gerung, Lombok Barat (Lalu Wacana 2002).

Melihat hubungan Lombok dengan daerah-daerah lain, maka sekitar abad ke-9 masihi, Lombok telah berhubungan dengan daerah luar seperti Bali dan Jawa. Oleh itu, dari segi bahasa juga terlihat pengaruhnya sangat kuat dalam masyarakat Suku Sasak hingga sekarang. Demikian juga dalam tradisi atau adat hubungan antara Jawa dan Lombok pada abad ke-9 atau abad ke-10 masihi, begitu kuat dengan tekaan bahawa Jawa memiliki peranan yang cukup penting, hal ini dapat dilihat pada penggunaan Bahasa Jawa Kuno, Sansekerta, pada masa-masa itu (Jamaluddin 2005).

Lokasi pulau Lombok sangat strategis dalam laluan perdagangan di kepulauan Nusantara menjadikannya sebagai penghubung bagi perdagangan antara timur dan barat. Penglibatan Pulau Lombok dalam perdagangan tidak dapat dipertimbangkan kecil dalam perkembangan perdagangan serantau dan antarabangsa. Awal mula dibukanya laluan perdagangan di sepanjang pantai kepulauan Nusantara dan awal mula muncul kerajaan Hindu Tarumanegara di Jawa Barat yang menguasai laluan perdagangan utara Pulau Jawa hingga Pulau Sulawesi pada akhir abad 7 masihi. Kemudian laluan perdagangan pindah ke Selat Melaka di bawah kerajaan Hindu-Sriwijaya, hingga abad 11 masihi. Kemudian sejak abad 12 masihi, laluan perdagangan di pantai utara Pulau Jawa ke timur hingga di hujung kepulauan Nusantara kembali beraktiviti bersama dengan kemunculan penguasa baharu iaitu kerajaan Hindu Budha Majapahit (Lalu Jelenga, t.t.).

Hubungan Lombok dengan kerajaan-kerajaan yang ada di Nusantara sebelum datangnya kerajaan Majapahit sifatnya hanya sebagai penghubung laluan perdagangan sahaja. Perubahan laluan perdagangan juga mempengaruhi hubungan diplomatik tersebut. Hubungan dagang itu dapat diketahui dari sumber sejarah tradisional Lombok. Diungkapkan bahawa kerajaan Lombok telah menjalin

hubungan diplomatik dengan Raja Palembang (Sriwijaya) dan Sulawesi (Lalu Wacana 1974). Palembang merupakan bandar daripada kerajaan Sriwijaya dan menjadi pusat pengajaran agama Budha sehingga orang-orang yang dari Cina yang akan belajar agama Budha di India digalakkan untuk tinggal setahun di Sriwijaya untuk belajar bahasa Sanskrit (Ann Kumar dan John H. McGlynn 1996). hubungan berterusan antara Lombok dengan Palembang, yang kala itu telah menjadi pusat pengajaran agama Budha dengan Bahasa Sanskrit, memperkuat tanggapan bahawa penggunaan bahasa Sanskrit di Lombok pertama kali berawal dari pengaruh kuat dari bandar utama Kerajaan Sriwijaya.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa penguatan pengaruh Jawa di masyarakat Sasak terjadi setelah adanya hubungan politik dengan Majapahit. Kehadiran Majapahit di Lombok adalah untuk tujuan penguasaan wilayah timur Indonesia. Pengiriman tentera pertama di bawah kepimpinan Mpu Nala dan kedua diketuai oleh Gajah Mada. Mpu Nala kemudian tinggal di Lombok yang kemudian mengalahkan raja-raja di Lombok. Kemudian mempunyai seorang anak iaitu Deneq Mas Muncul adalah putra bungsu Mpu Nala yang menjadi raja di Bayan. Deneq Mas Muncul mengalahkan Deneq Mas Korabela, kemudian Deneq Mas Laki Singia (Lalu Jelenga, t.t.). Tentang hal ini, dalam sejarah Lombok disebutkan kerajaan Bayan adalah kerajaan besar yang didirikan oleh putra Sri Baginda Majapahit (Lalu Wacana 1974). Dengan kehadiran orang-orang Majapahit di Lombok, yang kemudian membangun kerajaan bersama dengan tokoh-tokoh masyarakat suku Sasak, ini yang menjadikan bahasa Jawa dan kepercayaan, tradisi ataupun adat sangat berpengaruh dalam masyarakat Sasak. Pengaruh Jawa setelah runtuhnya Kerajaan Majapahit diwakili oleh kerajaan Islam di Jawa. Kerajaan Islam Jawa memberikan pengaruh ke wilayah timur (Lombok) ini berakhir sekitar abad 17 Masihi dan pada masa yang sama, pengaruh Melayu berlanjutan hingga abad 19 Masihi, sehingga naskan Arab ataupun Arab Melayu mulai dikenal oleh masyarakat Sasak setelah terjadinya Islamisasi di Lombok.

Keruntuhan kerajaan Majapahit disebabkan oleh kerana politik di antara para pewaris takhta kerajaan dan kerana masuk dan berkembangnya kerajaan Islam di Jawa (Muljana 1968). Kemunduran itu terjadi setelah raja Hayam Wuruk wafat pada tahun 1389 Masihi. Bagian kerajaannya satu demi satu membebaskan diri dari kuasa kerajaan Majapahit. Terjadi perang saudara pada tahun 1405-1406 Masihi, antara Wira bhumi dengan Wikrama wardhana. Oleh itu, tahun 1478 Masihi adalah tahun berakhirnya Kerajaan Majapahit (Awang Harun Satyana 2007).

3. Perkembangan Kekuasaan Kerajaan Bali

Keruntuhan kerajaan Majapahit pada 1478 masihi dengan berdirinya kerajaan Islam Demak, menyebabkan kerajaan Gelgel, Bali, mendakwa wilayah yang terletak di timur sebagai wilayah kekuasaan kerajaan ini (Djelenga Lain 2000). Pengiktirafan satu pihak ini dilakukan sebagai cubaan untuk mengesahkan politik secara meluas (perluasan wilayah kekuasaan) yang dilakukannya terhadap kerajaan Lombok, sehingga tidak ada pihak lain yang dapat rnegganggu usaha tersebut. Bali adalah sisa-sisa dari kerajaan Majapahit setelah kedatangan kerajaan Islam dari Jawa.

Pada tahap ini, Islam kemudian tidak berpusat pada satu wilayah (Jawa) tetapi perkembangannya hingga ke wilayah timur Jawa, termasuk dalam hal ini Pulau Lombok. Petunjuk ini yang menyebabkan keinginan orang Bali untuk menguasai Lombok, serta disebabkan faktor-faktor kepentingan politik dan ekonomi. Untuk mencapai hal tersebut, kerajaan Gelgel terus melakukan penyerangan melalui laut sejak tahun 1520 masihi (Djelenga 2002). Tindakan kerajaan Gelgel ini membuat kerajaan Kayangan Lombok merasa terganggu dan tidak selesa, oleh itu Deneq Mas Kerta Jagat (adik Deneq Mas Kamala Jagat) memindahkan pemerintahannya ke kawasan yang lebih dalam, yang berlangsung di lereng Gunung Rinjani (pertengahan awal abad ke-16). Kemudian, kerajaannya lebih dikenali sebagai Selaparang, yang diteruskan oleh anaknya Deneq Mas Kerta Bumi (diperkirakan menghampiri abad ke-17).

Walau bagaimanapun serangan awal ini tidak pernah mendapatkan hasil yang diinginkan, kerana selalu boleh dikalahkan oleh kerajaan Selaparang yang merupakan pusat dari kerajaan-kerajaan di Lombok. Selain kerana Kerajaan Selaparang, faktor pertahanan rakyat Sasak dan adanya bantuan dari Kerajaan Gowa dari Makasar. Hal ini yang membuat Kerajaan Gelgel membuat strategi penyerangan lain, iaitu dengan menghantarkan orangnya ke Lombok bahagian barat dan kemudian ini yang menjadi pemula dari Kerajaan Kediri, Kuripan dan Sekongo (Erni Budiawanti 2000).

Kemenangan Belanda dan sekutu Bugisnya di Gowa (M. C. Ricklefs 2005) mempunyai pengaruh besar terhadap pertahanan Kerajaan Selaparang, sejak itu Kerajaan Gelgel yang telah lama bercita-cita untuk menaklukkan Lombok bahkan memiliki peluang mudah untuk perluasan wilayah kekuasaannya. Oleh itu, mereka memanfaatkan keadaan ini, kerajaan Gelgel menghantar tenteranya yang lebih kuat daripada sebelumnya. Pada masa itu Kerajaan Karangasem di Bali dinyatakan berdiri secara rasmi, pada tahun 1660 masihi. Kemudian mereka membuat tempat di Pagutan dan Pagesangan, pada tahun 1690 masihi (Djelenga,

Lain 2002) iaitu di bawah peraturan Kerajaan Karangasem. Perjalanan itu kemudian diteruskan dengan tentera atau pasukan pertama yang beragama Islam iaitu diketuai oleh Arya Sudarsana yang masuk dengan ke pusat Kerajaan Selaparang di timur.

Kerajaan Selaparang tampaknya tidak mudah percaya untuk mengambil langkah kerja sama terhadap pasukan yang dihantar oleh Karangasem. Sebaliknya dengan menghantar orang yang secara keyakinan (sama-sama Islam) akan dengan mudah diterima, tetapi justeru terjadi masalah antara pasukan Arya Sudarsana dengan orang kerajaan Selaparang yang tidak dapat dielakkan. Masalah itu menyebabkan terjadinya peperangan yang akhirnya bantuan dari Sumbawa untuk Selaparang yang diketuai oleh Amasa Samawa (1723-1725) pasukan Arya Sudarsana dipaksa keluar dari wilayah kerajaan Selaparang. Tidak cukup dengan itu, pasukan Sumbawa mengejar sehingga Suradadi (wilayah bahagian timur Lombok barat sekarang) iaitu di Reban Talat, akan tetapi Arya Sudarsana tidak berhasil ditangkap (Djelenga, Lain 2002).

Dikejar dari Selaparang, Arya Sudarsana melangkah masuk ke Kerajaan Pejanggik. Hal ini menyebabkan hubungan yang sebelum ini harmoni antara Pejanggik dan Selaparang (kerajaan utama) menjadi terputus. Hubungan yang tidak harmoni antara Pejanggik dan Selaparang memberikan kelebihan kepada Karangasem (Bali) secara politik. Pejanggik, dalam hal ini sebagai kerajaan utama di Lombok Tengah, dianggap sebagai kumpulan yang membela dan pelindung tentera Karangasem yang jelas merupakan musuh bersama yang ingin menguasai rakyat Sasak.

Untuk menjangkakan ketidakharmonisan politik antara dua kerajaan besar Lombok, pada tahun 1692 Karangasem kembali menghantar tenteranya ke Lombok di bawah kepimpinan I Gusti Anglurah Ktut Karangasem (Agung, Anak Agung Ktut 1992). Sebab, tentera sebelumnya yang dihantar bersama Arya Sudarsana tidak lagi memiliki kekuatan, akibatnya terjadi masalah antara mereka dengan Selaparang. Terlepas dari itu, raja Pejanggik mengambil pilihan untuk melindungi Arya Sudarsana (utusan Karangasem) untuk mendapat perlindungan dari kerajaan yang lebih besar. Kemudian Arya Sudarsana dilantik menjadi orang kepercayaan dan diberi gelaran Arya Banjar Getas, serta bertanggungjawab atas pertahanan dan keamanan dan diberi gelaran Dipali Patinglaga. Walau bagaimanapun hubungan baik antara Raja Pejanggik, Pembani Mas Meraja Kusuma dengan Arya Banjar Getas hanya bertahan sekitar 15 tahun dan berakhir dengan campur tangan tentera Karangasem di bawah kepimpinan I Gusti Ktut Karangasem (Djelenga 2000).

Arya Banjar Getas di bawah bantuan Kerajaan Karangasem Bali, berbalik melakukan penguasaan atas Pejanggik dan Selaparang. Selama 15 tahun Banjar Getas adalah seorang pelaku politik di wilayah kekuasaan Pejanggik, ia memahami kondisi dalam kerajaan mahupun kondisi luar kerajaan. Oleh itu, proses pemindahan kuasa secara paksa tidak mengalami kesulitan, ditambah pula dengan pasukan bantuan dari Karangasem. Maka, beralihlah kepemimpinan dua kerajaan besar Lombok ke raja-raja Bali. Faktor di atas yang menyebabkan keruntuhan kerajaan Pejanggik kerana lemahnya kekuatan serta karisma kerajaan di mata rakyat. Pelantikan Arya Sudarsana sebagai orang kepercayaan kerajaan menyebabkan kekecewaan kepada pelbagai orang kerajaan, terutama pada masa itu orang kepercayaan kerajaan ialah Ranggalapong yang menguasai wilayah Medayin. Banjar Getas adalah orang yang tidak berpeluh dalam membangun kerajaan Pejanggik, berbeza dengan Ranggalapong ia merupakan orang yang memiliki sumbangan besar terhadap pengaruh serta kekuatan Pejanggik.

Untuk menyelaraskan wilayah kekuasaan Arya Banjar Getas kemudian membentuk pemerintahan pusat dengan menguasai wilayah Praya, Batukliang dan Puyung (sekarang masuk dalam wilayah kabupaten Lombok tengah). Manakala Karangasem, di Lombok bahagian barat membentuk kerajaan sebagai pusat pemerintahan iaitu kerajaan Singasari (1740-1838) yang diperintah oleh tiga raja dengan nama yang sama iaitu I Gusti Made Karangasem (I, II, dan III). Kerajaan Singasari, bertindak sebagai pengerusi dalam sebuah kerajaan persekutuan tersebut. Kerajaan Mataram (1740-1894) adalah penguasa tunggal selepas terjadinya perang saudara (1838) antara Singasari-Mataram (Djelenga 2002). Manakala Kerajaan Sasak yang tersisa hanya Sakra dan kerajaan lainnya telah terpecah menjadi desa kecil yang berdiri sendiri dan berada langsung di bawah kekuasaan kerajaan Bali. Sakra, dengan kekuatan yang tidak begitu besar daripada sisa kekuatan rakyat Sasak, kemudian terjadi perlawanan dan perlawanan ini merupakan perlawanan pertama rakyat Sasak terhadap raja Bali, selepas tersusunnya kekuasaan Bali secara sistematik.

Menghadapi perlawanan Sakra pada tahun 1824-1828, Kerajaan Singasari mengalahkan pertahanan Sakra. Satu perkara lain yang cukup mengejutkan Sakra ialah tenteranya di barisan terdepan, Singasari merupakan orang Sasak sendiri, manakala tentera Bali berada dibarisan ke dua setelah orang Sasak. Strateginya menjadikan orang Sasak sebagai perisai, memberikan hasil yang tidak mengecewakan bagi Singasari, terbukti bahawa Sakra akhirnya menyerah atau kalah, pada tahun 1828 (Djelenga 2002). Kemudian kekuasaan Kerajaan Lombok terlihat di Praya selepas perubahan kekuasaan kepemimpinan kerajaan semula Pembani Mas Meraja Kusuma dengan pusat pemerintahannya di Pejanggik, namun setelah Banjar Getas pusat

pemerintahan dipindah ke Praya. Sejak kekuasaan Belanda hingga sekarang, sebagai pusat pemerintahan Kabupaten Lombok Tengah.

Kondisi politik yang berlaku masa itu, Sakra kembali mengambil bahagian dengan bergabung bersama Kuripan (sebagai wilayah terkecil di bawah kekuasaan Singasari) untuk membantu Mataram melawan Singasari. Dengan kekuatan yang tidak seimbang, oleh itu seluruh penghuni istana Singasari melakukan Puputan (ritual bunuh diri) di Sweta, Singasari akhirnya kalah. Sebenarnya orang Sasaklah yang memaksa Singasari menyerah di bawah Mataram, rakyat Sasak memberikan bantuan dari dua arah yang berbeza iaitu Sakra dari arah timur dan Kuripan dari arah barat-selatan. Kerana itu sebenarnya orang Sasak berhak menikmati lebih banyak daripada pihak Mataram, tetapi kenyataan politik memang tidak boleh dinafikan.

Sejak itu, kerajaan Mataram menjadi penguasa tunggal di Lombok, dengan pengantian kepemimpinan: pertama, Anak Agung Kutut Karangasem IV (1838-1850), yang menggabungkan Mataram sebagai kerajaan tunggal yang menjadi pusat pemerintahan. Kedua, Anak Agung Made Karangasem (1850-1872), semasa pemerintahannya dilakukan perbaikan Taman Kelepung menjadi Taman Mayura, Pura Meru, Taman Suranadi, Lingsar, dan di bangunnya Taman Narmada. Di samping itu juga dibangun istana Ukir Kawi yang selesai pada tahun 1866, Raja yang terakhir adalah Anak Agung Gde Ngurah Karangasem (1872-1894). Oleh itu, ternyata bahawa dasar kekuasaan terletak pada kekuatan senjata, dan sokongan ekonomi yang besar. (M. C. Ricklefs 2005).

4. Sejarah Kedatangan Agama Islam Di Pulau Lombok.

Sebelum Islam datang ke Pulau Lombok, Boda adalah agama asal suku Sasak. Orang Sasak Boda ini secara rasmi dicatatkan pemerintah sebagai umat Budha, salah satu dari lima agama yang diiktiraf oleh pemerintah. Penganut agama ini menegaskan sebagai keturunan kerajaan Majapahit yang melarikan diri ketika terjadi penyerangan kerajaan Islam. Orang Sasak Boda ini memanggil agama mereka dengan Agama Majapahit (John Ryan Bartholomew 2001). Namun orang Sasak Boda ini tidak terlalu mendakwa diri mereka sebagai penganut Agama Majapahit. Dalam kitab undang-undang Majapahit terkenal dengan Lontar Negara Kertaagama karya Empu Prapanca secara jelas menyebut penaklukan Lombok oleh tentera Majapahit. Pada tahun 1334 masihi, kerajaan yang ada di pulau Lombok seperti Kerajaan Pematatan, Kerajaan Lombok, Kerajaan Perigi, kerajaan Selampang dan kerajaan Pejanggik berjaya dikalahkan oleh kerajaan Majapahit Jawa Timur yang di ketuai oleh Gajah Mada. Menurut peninggalan sejarah yang ditemukan pada pinggan tembaga, disebutkan bahawa kedatangan Gajah Mada diiringi oleh Datu Lumendang Sari. Pasukan tentera Gajah Mada ini mendarat pertama kali di desa Akar-Akar, wilayah Lombok Barat bahagian utara (Muhammad Syamsu AS 1999).

Peninggalan pengaruh Hindu-Jawa masih dapat dibuktikan secara monumental di Sembalun, Sebuah desa yang terletak di utara Pulau Lombok. Goris dalam Aantekeningen Over Cost Lombok menunjukkan, bahawa di Bayan dan Sembalun terdapat dua kampung lama yang dipercayai sebagai tempat peristirahatan dan ditemukan keturunan Majapahit. Seterusnya Goris menyatakan: Sebelum agama Islam datang, Lombok dalam masa yang cukup lama pernah mengalami pengaruh agama Hindisme Budhisme yang datang dari Jawa. (Goris R 963).

Agama Islam masuk di Pulau Lombok pada abad ke-16 masihi, dan penyebarannya dari para pendakwah Jawa di bawah kepimpinan Sunan Prapen, salah seorang putra Sunan Giri (Wali Songo). Berdasarkan sejarah tempatan yang dicatatkan dalam pelbagai sejarah disebutkan bahawa Sunan Giri bertanggungjawab atas diperkenalkannya Islam ke Lombok pada tahun 1545 masihi. Berkembangnya Islam di Pulau Lombok merupakan sejarah baharu dalam merubah kepercayaan keagamaan suku Sasak menjadi umat Islam. Sunan Prapen dihantar oleh orang tuanya untuk mengetuai sebuah pasukan ke Lombok, Sumbawa, Bima dan Dompu untuk berdakwah menyebarkan agama Islam (Erni Budiawanti 2000).

Selepas mengalahkan kerajaan Hindu Majapahit, penguasa Islam Jawa, utusan sunan Giri menghantarkan utusan-utusannya ke pelbagai daerah di wilayah Nusantara. Utusan yang dihantar ke Lombok dan Sumbawa adalah Pangeran Prapen dan sering dipanggil sunan Prapen. Sunan Prapen tiba di Labuan Carik (pantai Anyar) sekarang menjadi bandar kecamatan Bayan (Erni Budiawanti: 2000). Menurut Sumber lain, Islam masuk ke Lombok melalui sebelah utara (Bayan) atas perintah Sunan Pengging dari Jawa Tengah pada permulaan abad ke-16 masihi (Tim Penyusun Monografi 1977).

5. Strategi Penyiaran Islam

Strategi Penyiaran Islam yang digunakan oleh Sunan Giri mengarahkan tiga orang muridnya iaitu Lembu Mangkurat untuk mengislamkan daerah Banjarmasin, Dato' Banda mengislamkan Makasar dan Sunan Prapen putera Sunan Giri ditugaskan untuk mengislamkan Pulau Lombok, Sumbawa dan Bali (Lalu Gde Suparman 1934). Sunan Prapen datang ke Pulau Lombok dengan sejumlah pengikut dan ulama dari Jawa. Ada di antara

mereka yang pandai memainkan wayang. Islam menyebar di Lombok melalui kesenian wayang. Manakala bahasa yang digunakan dalam wayang adalah bahasa Jawa lama. Secara umum, kiyai yang datang bersama Sunan Prapen dari Jawa memiliki strategi dakwah dengan mengislamkan pertama raja-raja yang berkuasa. Mulanya mereka menggunakan kaedah dakwah yang tidak rasmi, selaras dengan kondisi tempoh itu. seterusnya, mereka membuat pendekatan berterusan terhadap penguasa seperti pendekatan terhadap raja kerajaan Lombok di wilayah Lombok Timur beserta keluarganya. Orang pertama yang bersedia menerima ajaran Islam masa itu adalah Raden Mas Pahit, yang seterusnya diikuti oleh sebahagian besar rakyatnya (Harapandi Dahri 2004).

Dinasti Selaparang yang mula-mula menerima Islam. Upaya mengislamkan raja-raja di Lombok tidak mengalami masalah, kerana dengan mengatakan bahawa raja-raja di Jawa sudah memeluk Islam, maka mereka dengan senang memeluk agama Islam. Hal ini disebabkan raja-raja di Lombok mempunyai hubungan darah dengan raja-raja yang ada di Jawa terutama kerajaan Majapahit, ini dapat dibuktikan oleh keturunan yang sedia ada (Tim Penyusun Monografi 1977).

Selepas Raja Selaparang memeluk agama Islam, Kerajaan Selaparang Hindu kemudian berubah menjadi kerajaan Selaparang Islam dan membawa nilai Islam ke dalam budaya Sasak. Ini bermakna bahawa sejarah dan budaya Sasak menjalani proses perubahan berdasarkan kehidupan keagamaan mereka. Dengan memeluk agama Islam, rajanya menyeluruh seluruh rakyatnya diisytiharkan masuk Islam atau mesti mengiktiraf Islam sebagai agama mereka. Sebagai hasilnya, seluruh wilayah kerajaannya mendakwa memeluk agama Islam. Sementara di tempat yang jauh dari kerajaan masih ada pengikut yang sangat awam. Hanya pengiktirafannya sahaja yang Islam, tetapi keyakinan (aqidah) dan pelaksanaan keagamaannya masih bercampur dengan kepercayaan dan adat lama atau agama nenek moyangnya. Seperti yang telah disebutkan bahawa sebelum agama Islam datang, agama yang dianut masyarakat Lombok menganut agama Hindu-Budha atau yang dikenali dengan Boda (Fathurrahman Zakaria 1998).

Islam tidak langsung diterima oleh masyarakat Sasak. Sebagai perbandingan, di Jawa contohnya Islam semula hanya dilaksanakan oleh sekumpulan kecil penganut Islam yang aktif dan bertugas membawa pesan Islam. Oleh itu, majoriti penduduk tetap menganut kepercayaan nenek moyang mereka. Keadaan yang sama dijumpai juga di daerah lain di Indonesia seperti di Minangkabau (Azyumardi Azra 1999). Perkara yang sama juga berlaku di masyarakat suku Sasak. Orang sasak Boda, mereka masih hidup di pergunungan dan tempat terpencil, pada tahap sistem kepercayaan mereka masih melaksanakan kepercayaan nenek moyangnya. Kumpulan masyarakat inilah mungkin yang menjadi penganut Wetu Telu.

Nampaknya pendakwah Islam bertindak lemah lembut, maknanya ajaran agama Islam diajarkan secara bertingkat mengikuti kebolehan orang yang menerimanya atau sesuai dengan kemampuan mereka yang menerimanya. Seterusnya, jika berhasil mengislamkan satu kampung, kemudian para pendakwah pindah ke kampung lain dengan meninggalkan seorang ulama untuk menyempurnakan dan mendampingi raja. Ulama yang ditugaskan menyempurnakan ajaran Islam dengan cara bertahap. Tahap pertama penyebaran Islam melalui para raja, yang mengeluarkan perintah kepada rakyatnya. Perkara ini dapat dilihat contohnya setiap anak lelaki yang sudah berumur tujuh tahun atau sebelum baligh, diwajibkan untuk di sunat. Pada zaman itu masyarakat Lombok kuat dengan kepercayaan animisme dan dinamisme atau kepercayaan lamanya, jika mereka melakukan upacara keagamaannya, mereka menggunakan sesajen untuk memuja para dewa-dewanya. Kemudian para pendakwah Islam merubah keyakinan masyarakat suku Sasak dengan cara bertahap, seperti sesajen dirubah kedalam bentuk hidangan makanan, jajanan dan buah-buahan (pesaji), yang diberikan kepada orang yang ikut serta dalam semua upacara keagamaannya pada masa itu, salah satunya dalam ritual keagamaan sunatan atau posan.

6. Ritual Sunatan (Posan)

Ritual sunatan atau posan pada zaman itu masih terlihat seperti upacara keagamaan Hindu, namun para pendakwah agama Islam memasukkan makna atau nilai Islami kedalam simbol-simbol yang ada di dalam upacara sunatan kala itu dan para pendakwah tidak melarang masyarakat suku sasak Lombok untuk melaksanakan tradisi-tradisi lamanya. Seterusnya pendakwah memasukkan pelbagai pengajaran ajaran Islam dalam pelaksanaan sunatan, seperti ketauhitan, keimanan, hanya boleh berharap kepada Allah SWT sahaja, bersedekah dan lain-lainnya. Pada masa itu terjadinya percampuran budaya antara budaya Hindu bercampur dengan agama Islam yang dibawa oleh pendakwah yang diketuai oleh Sunan Prapen dari Jawa. Begitu juga semua rakyat diperintahkan untuk merayakan hari besar agama Islam, seperti peringatan Maulid Nabi Muhammad SAW, puasa bulan Ramadhan, Aidil Fitri, Aidil Adha dan hari besar Islam lainnya. Demikian peraturan yang berdasarkan Islam diperintahkan oleh raja dan menjadi undang-undang dan yang mesti dipatuhi oleh semua rakyat.

Strategi yang digunakan agar Islam berkembang iaitu, dijalankan sistem tiga rantai. Ulama yang datang dari Jawa, mesti mendidik tiga orang pelajar. Jika tiga orang pelajar itu sudah pandai, mesti mendidik tiga orang pelajar lagi. Seterusnya, apabila tiga orang pelajar itu sudah pandai, maka dilantik menjadi kiyai. Cara ini menimbulkan kesan seolah-olah hanya kiyai atau penghulu sahaja yang berkewajiban melaksanakan agama seperti solat dan puasa. Kenyataan ini melahirkan dua kumpulan sosial iaitu kumpulan kiyai dan pengikut kiyai yang masih awam. Golongan awam (orang yang pemahamannya rendah) ini mempunyai fahaman hanya melaksanakan kewajiban yang diperintahkan oleh kiyai dan rajanya sahaja. Seperti merayakan hari tertentu dan kewajiban membaca *syahadatain* (dua kalimat syahadah) ketika menikah. Hal ini berlangsung bertahun-tahun dari satu generasi ke generasi berikutnya. Sehingga timbul dalam pemahaman mereka bahawa memang keadaan yang demikian itulah ajaran agama yang dikehendaki dan mesti dilakukan. Tidak menghiraukan jika kemudian penyebar agama Islam yang datang berikutnya yang akan mengajarkan ajaran Islam untuk menyempurnakan ajaran yang sudah mereka fahami.

Kesannya maka yang berkewajiban melaksanakan ibadah seperti solat dan puasa hanya kiyai sahaja, manakala rakyat menyerahkan kewajibannya kepada kiyai mereka. Sebagai perimbangannya, mereka menyerahkan semua zakat fitrah dan sedekah lainnya pada hari tertentu kepada kiyai mereka, kerana merasa terhutang budi pada kiyainya. Pelaksanaan keagamaan seperti ini masih terjadi di kalangan penganut Wetu Telu. Islam yang diperkenalkan oleh Sunan Prapen dan para penerusnya nampaknya hanya menekankan konsep keimanan dan ketauhidan dengan pendekatan budaya. Pembinaan Islam yang diutamakan adalah kesedaran ketuhanan dan ibadah dengan pendekatan yang bersifat sufistik. Pola sufisme sinkretik dilihat sangat berkesan untuk syiar Islam masa itu dan lebih mudah diterima. Hingga penghujung abad ke-17 masihi, Islam sudah tersebar di seluruh pulau Lombok.

Penyebaran agama Islam di Lombok disesuaikan dengan keadaan masa itu. Adat-istiadat dan kesenian disesuaikan dengan ketauhidan, maknanya selama perkara tersebut tidak merosak ketauhidan, dibiarkan berkembang. Mereka diajarkan mengucap dua kalimat syahadat (*syahadatain*) dan taubat. Ajaran feqah banyak ditulis dalam bahasa daerah yang bercampur dengan bahasa Kawi, digubah dalam bentuk *sya'ir*, seterusnya ditranskripsikan dan ditulis dalam huruf Jejawen (huruf aksara jawa). Agama Islam di Lombok dalam pelaksanaannya ada dua jenis, iaitu pelaksanaan Islam Waktu Lima dan Islam Wetu Telu. Islam Waktu Lima dalam pelaksanaan keagamaan sesuai dengan ajaran Islam sebenarnya. Kumpulan ini mengakui kewajiban untuk memenuhi lima rukun Islam yang diawali dengan syahadat, solat, puasa, zakat, dan menunaikan ibadah haji ke Makkah.

Manakala kumpulan Muslim Wetu Telu dalam pelaksanaan kehidupan sehari-hari, masih kuat berpegang teguh pada adat dan budaya nenek moyang. Pelaksanaan keagamaan hanyalah dikerjakan oleh kiyai atau penghulu mereka. Dalam masyarakat Islam Wetu Telu, masih tersisa pengaruh kepercayaan tempatan. Hal ini dapat dibuktikan dengan dipeliharanya tradisi lama, dan mereka mengucapkan dua kalimat syahadat menurut ketentuan Islam. Secara umum, upacara yang dilaksanakan Islam Wetu Telu terbagi menjadi dua kumpulan. Pertama, upacara yang berkaitan dengan hari besar Islam. Kedua, upacara adat yang telah ditentukan oleh adat dimana mereka berada. Upacara yang berkaitan dengan hari besar Islam pada prinsipnya tidak berbeza dengan yang dilaksanakan oleh Islam Waktu Lima. Terdapat sumber lain yang mengatakan bahawa mereka hanya baharu mengenal tiga rukun dari lima rukun Islam. Selain itu ada yang mengatakan mereka hanya mengerjakan tiga solat iaitu, solat Jum'at, solat idil Fitri dan solat idil Adha. Meskipun demikian, yang pasti Islam Wetu Telu adalah fahaman keagamaan dalam masyarakat Lombok yang belum sesuai tata cara pelaksanaan keagamaannya dengan syari'at Islam.

Mengapa perkara itu boleh berlaku, disebabkan kerana dalam mendakwahkan Islam pada permulaan perkembangannya belum lengkap, kerana para pendakwah pindah dari satu kampung ke kampung lainnya. Di samping itu, bahan pengajaran agama Islam yang diajarkan secara bertahap. Kerana ajaran Islam, nilai yang telah berkembang dalam kehidupan masyarakat sebelum datangnya Islam, tidak diganti. Hasilnya, masih ada budaya lama yang masih dilaksanakan bersama dengan ajaran Islam yang baharu diterima masyarakat Lombok. Oleh kerana masih baharu dalam proses memeluk Islam melalui tahap permulaan, iaitu mengucap dua kalimat syahadat, sehingga pengetahuan tentang solat dan tata cara solat belum sempurna seperti syariat Islam. Mereka itulah kemudian yang menjadi penganut Islam Wetu Telu.

7. Kesimpulan

Pengaruh kerajaan Majapahit Jawa dan kerajaan Bali begitu kuat dalam masyarakat suku sasak di pulau Lombok. Kemudian lokasi pulau Lombok pada masa itu sangat strategis kerana berada dalam laluan perdagangan antara kepulauan Nusantara yang menjadikannya sebagai penghubung bagi perdagangan barat

dan timur. Kehadiran Majapahit ke Lombok dengan tujuan perluasan kekuasaan wilayah timur Indonesia (Lombok). Utusan pertama Majapahit di bawah kepemimpinan Mpu Nala dan kedua di ketuai oleh Gajah Mada. Manakala pengaruh kerajaan Bali begitu besar dalam masyarakat suku sasak mulai daripada budaya, pakaian adat tradisional, kesenian muzik tradisional dan lain-lainnya. Bali juga merupakan sisa daripada masyarakat kerajaan Majapahit, mereka pindah ke pulau Bali kerana telah berkuasanya kerajaan Islam Demak, kemudian mereka melarikan diri ke pulau Bali. Penyebab kerajaan Bali ingin menguasai pulau Lombok, kerana faktor kepentingan politik dan ekonomi.

Sejarah adanya posan di Lombok, ketika kuatnya pengaruh dari kerajaan Majapahit dari Jawa pada abad ke-7 kemudian dipengaruhi oleh kerajaan Karangasem Bali, atas perintah raja kepada rakyatnya untuk menyunatkan anak lelakinya, daripada perintah raja inilah kemudian diperkirakan latar belakang adanya tradisi posan ini. Kedua kerajaan inilah yang pertama kali membawa agama Hindu Budha ke pulau Lombok dan masuknya agama Islam, melalui dakwah yang dilaksanakan oleh para pendakwah dari Jawa yang diketuai oleh Sunan Prapen anak dari . Kemudian proses penyebaran agama Islam melalui pendekatan kepada raja-raja kerajaan, setelah rajanya masuk Islam, rakyatnya pula akan masuk agama Islam. Terdapat bukti sejarah yang kuat bahawa agama Islam masuk di pulau Lombok sekitar abad ke-16 masihi, melalui barat. Pengajarannya hanya menekankan pada konsep keimanan dan ketauhidan dengan pendekatan budaya dan adat. Pembinaan Islam yang diutamakan adalah kesedaran ketuhanan dan ibadah yang bernuansa sufistik. Pola sufisme sinkretik dipandang berkesan untuk syiar Islam masa itu dan lebih mudah diterima. Melalui strategi ini Islam tersebar di seluruh Lombok hingga penghujung abad ke-17 masihi.

Rujukan

- Awang Harun Satyana. 2007. *Bencana Geologi dalam "Sandhyâkâla" Jenggala dan Majapahit : Hipotesis Erupsi Gununglumpur Historis Berdasarkan Kitab Pararaton, Serat Kanda, Babad Tanah Jawi; Folklor Timun Mas; Analogi Erupsi LUSI; dan Analisis Geologi Depresi Kendeng-Delta Brantas*, JOINT CONVENTION BALI 2007 The 36th IAGI, The 32nd HAGI, and the 29th IATMI Annual Convention and Exhibition Bali, 13-16 November 2007.
- Azyumardi Azra. 1999. *Renaissance Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Agung, Anak Agung Ktut. 1992. *Kupu-Kupu Kuning yang Terbang di Se/at Lombok: Lintasan Sejarah Kerajaan Karangasem (J660-1950), Upada Sastra*, Denpasar, 1992, Cet. 1
- Ann Kumar dan John H. McGlynn, Illuminations. 1996. *The Writing Traditions of Indonesia* (New York: Weatherhill Inc. 1996), XVI.
- Djelenga, Lain. 2002. Menertawai Diri Sendiri: Orang Sasak Dalam Perjalanan Sejarah Lombok, *Jurnal KANJIAN (Jurnal Pemikiran Sosial Ekonomi Daerah NTB)*, Yayasan Lentera Utama (Nomor: 01/Th.I/Febr-Maret/2002)
- 2002. *Keris di Lombok*, Yayasan Pusaka Selaparang, Mataram.
- Erni Budiwanti. 2000. *Islam Sasak Wetu Telu versus Waktu Lima* Yogyakarta: LKIS.
- Fathurrahman Zakaria. 1998. *Mozaik Budaya Orang Mataram*. Mataram: Yayasan Sumurmas Al-Hamidi.
- Fauziah Kurniati. 2019. *Pesona Dari Timur Indonesia: Sejarah Dan Budaya Suku Sasak* <http://indoepic.com/menyusuri-sejarah-dan-budaya-suku-sasak-sebuah-pesona-dari-timur-indonesia/>. Diakses [13 May 2019].
- Goris R. 1963. *Aantekeningen Over Cost Lombok* (t.t.p.: t.p., 1963).
- Harapandi Dahri. 2004. *Wali dan Keramat dalam Persepsi Tradisional dan Modern*. Mataram: IAIN Mataram Press.
- Hadiwijono & Harun. 1982. *Agama Hindu dan Buddha*. Jakarta: BPK Gunung Mulia.
- John Ryan Bartholomew. 2001. *Alif Lam Mim: Kearifan Masyarakat Sasak*. ter. Imron Rosyidi Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Jamaluddin. 2005. *Sejarah Tradisi Tulis Dalam Masyarakat Sasak Lombok, Ulumuna, Volume IX Edisi 16 Nomor 2 Juli-Desember 2005*.
- Lalu Wacana. 2002. *Sejarah Nusa Tenggara Barat*. Mataram: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Lalu Gde Suparman. 1934. *Babad Lombok*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Lalu Wacana. 1974. *Babad Lombok*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1974
- Muhammad Syamsu AS. 1999. *Ulama Pembawa Islam di Indonesia dan Sekitarnya*. Jakarta: Lentera Basritama.
- M. C. Ricklefs. 2005. *Sejarah Indonesia Modern 1200-2004*. Jakarta: PT. Serambi.

Tim Penyusun Monografi. 1977. *Monografi Daerah Nusa Tenggara Barat Jilid I* .Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.